

Capaian internet lemah jejas sesi pembelajaran murid

Segamat: Capaian internet lemah yang menjadi masalah utama dalam kalangan pelajar di pedalaman, turut menjekaskan golongan sama di perkampungan Kaum Asli di daerah ini.

Di Kampung Kaum Asli di Kemidak, Bekok dekat sini, sekumpulan pelajar dari beberapa sekolah berserta beberapa mahasiswa, mengikuti pembelajaran secara dalam talian di kebun sawit.

Suri rumah, Murni Muda, 39, berkata pelbagai langkah diambil bagi memastikan dua anaknya, Eqbal Daniel Edy Putera, 12, dan Eqzarra Sariesya, 7, murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Bekok mengikuti kelas secara dalam talian.

Mengakui talian internet menjadi cabaran utama, beliau nekad membawa anaknya ke kawasan kebun sawit milik penduduk kira-kira 15 kilometer (km) dari rumah seawal jam 7.30 pagi semalam.

"Pemilik kebun memberi kebenaran pelajar menumpang di pondok miliknya untuk sesi pembelajaran.

"Sejak pengajian dalam talian dilaksanakan beberapa bulan lalu, ramai pelajar termasuk mahasiswa menjadikan kebun sawit ini sebagai lokasi belajar dari pagi hingga tengah hari ini," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Murni berkata, seramai 15 pelajar termasuk mahasiswa berada di lokasi itu hari ini bagi mengikuti sesi pembelajaran masing-masing, malah turut membawa tikar dan bekal makanan sebagai persediaan.

"Walaupun ramai yang belajar di kebun sawit ini, masing-masing tetap mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Kami harap pihak berkenaan dapat memberi pertimbangan untuk menaik taraf capaian internet di kampung kerana ia sudah menjadi keperluan," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Daerah Segamat, Nasir Mohamed Yunus, menerima maklumat berhubung kesukaran dihadapi pelajar dan tindakan sewajarnya sudah diambil menerusi pengurusan sekolah terbabit.

"Paling utama ialah pematuan SOP seperti penjarakan fizikal dalam kalangan mereka sepanjang belajar," katanya.

Di **Baling**, hari pertama pelaksanaan PdPR menyaksikan ibu bapa di kawasan luar bandar mula mengeluh kerana berhadapan masalah capaian internet.

Mereka bimbang anak masing-masing terutama yang bakal menduduki peperiksaan tahun ini ketinggalan dan gagal mengikuti sepenuhnya PdPR yang dilaksanakan secara dalam talian.

Suri rumah, Norhasyimah Hamzah, 42, berkata masalah ca-

paian internet menyebabkan anaknya tidak dapat mengikuti kelas dalam talian secara sempurna pagi ini.

Katanya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan mereka terpaksa belajar menggunakan buku rujukan serta latihan sedia ada.

"Anak saya terpaksa merujuk buku latihan lama untuk belajar kerana tidak dapat mengikuti kelas yang dibuat guru melalui dalam talian.


"Mereka yang belajar secara dalam talian pula bergantung kepada kelajuan internet dan kawasan liputan yang kadang-kadang boleh, kadang-kadang tidak boleh seperti pagi ini," katanya yang menetap di Taman Bayu Permai, dekat sini, semalam.

Anaknya, Mohd Syafiq Mohd Jamil, 17, akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Mohd Syamil akan menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Mohd Syazlan akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Sementara itu, Mohd Syamil masih meneruskan pembelajaran di rumah termasuk mencari bahan rujukan melalui rakan lain yang menghadapi masalah sama.

"Saya bertukar bahan rujukan bersama kawan sekolah melalui aplikasi WhatsApp supaya pelajaran tidak tertinggal.

"Kami mesti belajar supaya tidak ketinggalan walaupun terpaksa berkongsi telefon pintar bersama adik beradik lain," katanya.



Murid dari Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Adik Fiona Damia Ariana Ridzuan mengikuti pembelajaran melalui aplikasi WhatsApp, semalam.

(Foto Adnan Ibrahim/BH)



Antara murid yang belajar di kebun kelapa sawit di Kampung Tamok, Segamat akibat tiada capaian internet di rumah mereka yang terletak berbelas kilometer dari lokasi.